



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : 22 WAKIL NEGARA PERLU JADIKAN WSC SHANGHAI 2026 PERJUANGAN MARUAH TVET

SUMBER : BERNAMA - 10 SEPTEMBER 2026

22 Wakil Negara Perlu Jadikan WSC Shanghai 2026 Perjuangan Maruah TVET

🕒 10/09/2026 04:02 PM



Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan berucap pada Majlis Penyampaian Amanat dan Pelepasan Kontinjen WSC 2026 di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAS), Seksyen 19 di sini hari ini.

SHAH ALAM, 10 Sept (Bernama) -- Penglibatan 22 wakil negara pada *WorldSkills Competition* (WSC) Shanghai 2026 bukan sekadar penyertaan, sebaliknya satu perjuangan membawa maruah dan aspirasi tenaga belia Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara, kata Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Ahmad Maslan.

Ahmad yang juga *Chef De Mission* WSC berkata bagi memastikan misi itu mencapai kejayaan, peserta perlu menerapkan tiga teras utama sebagai pegangan, ketika berentap dalam pertandingan kemahiran antarabangsa berprestij itu dari 22 hingga 27 Sept ini.

"Teras pertama ialah pengurusan emosi dan konsep *zero reset*, iaitu jika anda (peserta) melakukan kesilapan pada hari pertama pertandingan, buang kesilapan itu daripada fikiran anda serta-merta.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : TVET

TAJUK ARTIKEL : 22 WAKIL NEGARA PERLU JADIKAN WSC SHANGHAI 2026 PERJUANGAN MARUAH TVET

SUMBER : BERNAMA - 10 SEPTEMBER 2026

"Jangan biarkan duka hari pertama merosakkan potensi emas anda pada hari kedua dan ketiga. Setiap hari ialah ujian baharu dan bangkit menebus mata yang hilang tanpa rasa gelisah," katanya berucap pada Majlis Penyampaian Amanat dan Pelepasan Kontinjen WSC 2026 di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Seksyen 19 di sini hari ini.

Ahmad berkata peserta juga perlu menghormati prosedur pertandingan, selain menguasai skema pemarkahan bagi memastikan kemahiran tinggi yang dimiliki dapat diterjemahkan kepada pencapaian terbaik.

"Kemahiran tinggi tanpa disiplin yang kukuh mengikut kriteria pemarkahan tidak akan membawa pingat.

"Dengar arahan pakar anda, teliti setiap pemboleh ubah teknikal dan elakkan kecuai kecil yang boleh memotong mata berharga," katanya.

Beliau turut mengingatkan peserta supaya menjaga kesihatan dan disiplin diri sepanjang berada di Shanghai, memandangkan jadual pertandingan yang padat memerlukan pengurusan fizikal yang baik.

"Jadual di Shanghai nanti sememangnya amat padat. Cuaca, pemakanan dan waktu tidur wajib diurus dengan cermat. Jangan biarkan demam atau kelesuan fizikal merompak hasil usaha keras anda selama bertahun-tahun," katanya.

Selasa lepas, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut dijadual menghadiri WSC 2026 di Shanghai, bagi memberi sokongan moral kepada kontinjen negara yang bakal berentap dalam pertandingan kemahiran berprestij dunia itu.

Kehadiran Anwar pada pertandingan berkenaan bakal menyaksikan buat julung-julung kali seorang Perdana Menteri hadir secara langsung, bagi memberikan sokongan kepada kontinjen negara.

WSC ialah pentas kemahiran dunia paling berprestij, yang menghimpunkan bakat muda terbaik dari pelbagai pelosok rantau dan benua, serta menjadi arena global untuk menilai, mengiktiraf dan mengagungkan tahap kecekapan, ketepatan serta inovasi dalam pelbagai bidang kemahiran teknikal dan vokasional bertaraf antarabangsa.

-- BERNAMA